

## SYARAT DAN GARIS PANDUAN INSENTIF PENGECUALIAN CUKAI DI BAWAH PROGRAM MM2H

### INSENTIF PENGECUALIAN CUKAI PROGRAM MALAYSIA *MY SECOND HOME* (MM2H)

#### **PENGUMUMAN BAGI INSENTIF CUKAI DI BAWAH PROGRAM MM2H**

Kerajaan telah memutuskan untuk menamatkan insentif pengecualian cukai ke atas pembelian sebuah kenderaan baharu pemasangan tempatan atau pengimportan sebuah kenderaan persendirian ke Malaysia di bawah Program MM2H. Selaras dengan keputusan tersebut, insentif pengecualian cukai ini akan **ditamatkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018**. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan memberi **pertimbangan khas kepada peserta yang telah mendapat kelulusan pertama Visa MM2H bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017 sahaja** untuk mengemukakan permohonan melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai / Sistem Maklumat Pengurusan Cukai Kerajaan Malaysia **selewat-lewatnya pada 31 Disember 2018**.

#### **INSENTIF CUKAI DI BAWAH PROGRAM MM2H**

Peserta Program MM2H yang mendapat kelulusan pertama visa MM2H **bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017** boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian:

- (i) Duti eksais bagi pembelian sebuah kenderaan baru pemasangan tempatan (*Completely Knocked-Down* - CKD); atau
- (ii) Duti import dan duti eksais bagi pengimportan sebuah kenderaan milik persendirian (*Completely Built-Up* - CBU) ke Malaysia.

#### **TERMA DAN SYARAT-SYARAT INSENTIF**

Peserta yang layak akan menikmati **pengecualian cukai setakat RM150,000 sahaja** bagi pembelian sebuah kenderaan baru pemasangan tempatan (CKD) **ATAU** pengimportan sebuah kenderaan milik persendirian (CBU). Kelulusan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat seperti berikut:

- 1) Pengecualian duti eksais bagi kenderaan baru pemasangan tempatan (CKD) hanya dihadkan setakat RM150,000 sahaja **ATAU** pengecualian duti import dan duti eksais dihadkan setakat RM150,000 sahaja bagi pengimportan kenderaan milik persendirian (CBU).
- 2) Bagi pembelian kenderaan baru pemasangan tempatan (CKD) **ATAU** pengimportan kenderaan milik persendirian (CBU), permohonan pengecualian daripada pembayaran duti hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 31 Disember 2018**. Sekiranya peserta gagal memohon dalam tempoh berkenaan, tiada lanjutan tempoh permohonan akan diberi.

- 3) Bagi pembelian kenderaan baru pemasangan tempatan (CKD):
  - (i) Kenderaan itu mestilah dari stok baru yang belum berdaftar dan duti belum dibayar; dan
  - (ii) Nombor enjin dan nombor chasis hendaklah dikemukakan bersama sewaktu permohonan dibuat.
- 4) Bagi pengimportan kenderaan milik persendirian (CBU):
  - (i) Kenderaan tersebut mestilah menjadi hak milik pemohon bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh kelulusan pertama visa peserta MM2H; dan
  - (ii) Kenderaan tersebut diimport dari negara asal peserta atau negara terakhir yang didiami oleh peserta.
- 5) Peserta Program MM2H yang telah diluluskan insentif ini perlu membawa surat kelulusan tersebut ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi pelepasan duti serta ke Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tujuan pendaftaran kenderaan.
- 6) Kenderaan itu mestilah digunakan bagi tujuan kegunaan sendiri sahaja dalam Malaysia.
- 7) Setiap peserta hanya layak mendapat pengecualian duti bagi satu unit kenderaan sahaja. Kenderaan yang layak diberi pengecualian adalah dari jenis *saloon car*, *Multi Purpose Vehicle* (MPV), *Sports Utility Vehicle* (SUV) dan Kenderaan Pacuan Empat Roda (4WD).
- 8) Kenderaan yang digunakan bagi tujuan perniagaan (*commercial use*) tidak akan dipertimbangkan bagi insentif ini. Ini termasuk lori, van, bas, limousin dan lain-lain.
- 9) Pemohon insentif ini hendaklah menetap dan mempunyai alamat kediaman tetap di Malaysia. Sesalinan bukti pembelian atau penyewaan kediaman atas nama pemohon adalah wajib dikemukakan bersama sewaktu permohonan dibuat.
- 10) Pemohon layak menjual/menukar hak milik kenderaan tersebut selepas lima (5) tahun daripada tarikh pendaftaran kenderaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Sebarang duti berdasarkan kepada kiraan nilai semasa hendaklah dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebelum ia dijual/ditukar hak milik.
- 11) Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan menyebabkan pengecualian ini boleh ditarik balik dan peserta dikehendaki membayar semua duti yang telah dikecualikan kepada Kerajaan Malaysia.
- 12) Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas akan menyebabkan permohonan peserta ditolak.

## **PROSEDUR PEMBELIAN KENDERAAN BARU PEMASANGAN TEMPATAN (CKD)**

Dokumen sokongan yang diperlukan bagi mendapatkan kelulusan pengecualian duti eksais yang dihadkan setakat RM150,000 bagi tujuan pembelian kenderaan baru pemasangan tempatan (CKD) adalah seperti berikut:

- 1) Sesalinan surat kelulusan peserta MM2H daripada Jabatan Imigresen Malaysia;
- 2) Sesalinan passport antarabangsa yang jelas (muka surat yang memaparkan pengenalan diri pemohon);

- 3) Sesalinan pasport antarabangsa (muka surat yang memaparkan *multiple entry* dan visa Malaysia My Second Home yang jelas);
- 4) Sesalinan tempahan belian (*purchase order*) daripada syarikat penjual kenderaan atas nama pemohon;
- 5) Mengemukakan maklumat nombor enjin dan nombor chasis sewaktu mengemukakan permohonan;
- 6) Sebut harga kenderaan daripada syarikat penjual kenderaan;
- 7) Sesalinan penyata simpanan tetap (*fixed deposit*), penyata bank dan salinan 3 bulan slip gaji;
- 8) Sesalinan penuh perjanjian sewa beli (S&P) atau perjanjian penyewaan rumah di Malaysia atas nama pemohon; dan
- 9) Bagi wakil/agen pemohon, sesalinan lesen/permit sah yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia atau surat perwakilan kuasa hendaklah dikemukakan bersama permohonan.

### **PROSEDUR PENGIMPORAN KENDERAAN MILIK PERSENDIRIAN (CBU) KE MALAYSIA**

Dokumen sokongan yang diperlukan bagi mendapatkan kelulusan pengecualian duti import dan duti eksais yang dihadkan setakat RM150,000 bagi tujuan pengimportan sebuah kenderaan milik persendirian (CBU) adalah seperti berikut:

- 1) Sesalinan surat kelulusan peserta MM2H daripada Jabatan Imigresen Malaysia;
- 2) Sesalinan passport antarabangsa yang jelas (muka surat yang memaparkan pengenalan diri pemohon);
- 3) Sesalinan passport antarabangsa (muka surat yang memaparkan *multiple entry* visa dan visa *Malaysia My Second Home* yang jelas);
- 4) Sesalinan kad pendaftaran kenderaan (jika bukan dalam Bahasa Inggeris, sila sediakan terjemahan).
- 5) Sesalinan surat kelulusan *Approved Permit* (AP) daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- 6) Sesalinan penyata simpanan tetap (*fixed deposit*), penyata bank dan salinan 3 bulan slip gaji;
- 7) Sesalinan penuh perjanjian sewa beli (S&P) atau perjanjian penyewaan rumah di Malaysia atas nama pemohon; dan
- 8) Bagi wakil/agen pemohon, sesalinan lesen/permit sah yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia atau surat perwakilan kuasa hendaklah dikemukakan bersama permohonan.

Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa berhak memohon maklumat tambahan selain dinyatakan di atas bergantung kepada permohonan yang dikemukakan. Semua dokumen dinyatakan di atas hendaklah ditandatangani dan diakui sah oleh pegawai Kerajaan Malaysia atau Pesuruhjaya Sumpah sebelum diimbas dan dimuat naik.

Permohonan insentif pengecualian cukai ini **hendaklah dikemukakan secara online di <http://smpc.treasury.gov.my>**. Pemohon dikehendaki mendapatkan ID dan kata laluan di **[www.digicert.com.my](http://www.digicert.com.my)** dengan bayaran. Jika permohonan dibuat melalui ejen/wakil, ejen/wakil hendaklah mendapatkan ID dan kata laluan pemohon sendiri dan menyertakan sesalinan kad pengenalan ejen dan surat perwakilan kuasa dari pemohon.

## **ALAMAT DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- 1) Cik A'ina Iryani binti Dol Razlan  
Tel : +603 8882 4059  
Email : aina.razlan@treasury.gov.my
  
- 2) Pn. Nurul Naimah binti Salim  
Tel : +603-8882 3269  
Email : naimah.salim@treasury.gov.my

Bagi masalah sistem online dan teknikal bolehlah menghubungi:

- 1) En. Nur Arief Bin Mohd Amin  
Tel : +603 8890 6588  
Email : nurarief.mohdamin@treasury.gov.my

Sebarang surat-menyurat boleh dialamatkan kepada:

Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Aras 7, Blok Tengah Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
(Untuk perhatian: Cik A'ina Iryani Binti Dol Razlan)

Permohonan dengan dokumen lengkap akan diproses dan diselesaikan dalam masa 14 hari.

## **WAKTU PEJABAT**

Isnin hingga Jumaat : 8.30 pagi hingga 5.00 petang  
Rehat : 1.00 petang hingga 2.00 petang  
Jumaat : 8.00 pagi hingga 5.00 petang  
(*rehat pada pukul 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang*)

**Pejabat ditutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.**